

KL, Bangkok setuju pembangunan sempadan siap seperti ditetapkan

Sokongan terhadap projek jamin keamanan di selatan Thailand utara Malaysia

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan Thailand sepakat memastikan semua projek yang dipersetujui bersama di sempadan kedua-dua negara siap pada masa ditetapkan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, antara projek itu termasuk penjarangan jalan raya menghubungkan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dengan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Sadao di Thailand, serta pembinaan jambatan kedua menghubungkan Rantau Panjang, Kelantan dengan Sungai Golok di Narathiwat.

Beliau berkata, sokongan Malaysia terhadap dialog dan pembangunan itu bagi menjamin keamanan di selatan Thailand serta di utara Malaysia.

“Memang terdapat kemajuan besar dalam penjarangan jalan raya, ICQS Bukit Kayu Hitam dan



Anwar mengadakan mesyuarat dengan delegasi dari Thailand yang diketuai Paetongtarn di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

CIQ Sadao serta pembinaan jambatan kedua yang menghubungkan Rantau Panjang dengan Sungai Golok di Thailand.

“Projek ini pastinya akan meningkatkan kerjasama dan menyelesaikan banyak isu seperti pengurusan air serta usaha mitigasi banjir di Sungai Kelantan, Sungai Golok serta kawasan di selatan Thailand dan utara Malaysia, khususnya di Kelantan dan Terengganu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn

Shinawatra di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Terdahulu, Anwar dan Paetongtarn mengadakan mesyuarat dua hala sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Thailand itu ke Malaysia selama dua hari sejak semalam.

Pastikan dialog berhasil

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Malaysia komited memastikan proses dialog di selatan Thailand dapat membuahkan hasil dan seterusnya melaksanakan rancangan menyeluruh bersama ke

arah keamanan.

“Seperti yang dipersetujui, keamanan dengan pembangunan ialah keutamaan. Jadi, bagi memastikan keamanan dan pembangunan berlaku di selatan Thailand dan utara Malaysia, wilayah-wilayah ini juga memerlukan pelaburan tambahan,” katanya.

Selain itu, Anwar berkata, kedua-dua negara berkongsi pendirian berhubung isu Laut China Selatan dengan menghormati Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (UNCLOS).

Sementara itu, Paetongtarn berkata, isu bencana banjir membolehkan kedua-dua negara khususnya di sempadan perlu ditangani dengan baik.

“Kami akan bekerjasama rapat di antara kedua-dua negara bagi meningkatkan jaringan jalan raya dan landasan kereta api lebih baik di sempadan.

“Kami juga akan meningkatkan dan mempermudah perdagangan di sempadan serta interaksi di antara rakyat kedua-dua negara,” katanya.